| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Akademi Etiqa terima kemasukan 53 ejen kakitangan** | | |
| Date | **02 Nov 2010** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Berita Harian** | Page No | **25** |
| Section | **Ekonomi** | Article Size | **124 $cm^2$** |
| Journalist | **N/A** | Color | **Full Color** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **5,463** |
| Circ / Read | **192,982 / 1,521,000** | PRValue | **16,389** |



# Akademi Etiqa terima kemasukan 53 ejen, kakitangan



Aminuddin Md Desa

ETIQA Insurance and Takaful baru-baru ini menerima kemasukan 53 ejen dan kakitangannya ke kampus syarikat itu bagi mengikuti program ijazah sarjana muda Pengurusan Risiko dan Insurans.

"Kita sememangnya serius mengenai profesionalisme dalam perkhidmatan dan ini seiring dengan platform jenama kami iaitu mengimankan insurans dan takaful," kata Ketua Eksekutifnya, Datuk Aminuddin Md Desa.

Program Ijazah Pengurusan Risiko dan Insurans ditawarkan menerusi kerjasama antara Etiqa dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Aminuddin berkata, mendapatkan ijazah bermakna ejen dan pekerjanya akan menjadi lebih mahir dan boleh berkembang dari segi kerjaya dan perniagaan, sekali gus menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk keluarga masing-masing.

"Ini seiring dengan wawasan negara mewujudkan masyarakat pengetahuan dan membantu rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih tinggi," katanya.

Program itu juga akan menyokukan ejen dan pekerja mengimbangi kerjaya, keluarga dan pengajian masing-masing kerana kelas yang mereka hadiri di Akademi Etiqa berselang hujung minggu dalam tempoh empat tahun.

Program ijazah disokong sepenuhnya oleh sistem pendidikan yang diiktiraf oleh UUM.

Akademi Etiqa dilengkapi sepenuhnya dengan lebih 10 dewan pengajian dan kemudahan lain untuk ejen seperti perpustakaan, bilik komputer, lounge dan bilik-bilik mesyuarat. - BERNAMA